



PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN RAFIZI RAMLI

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur
Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com

4 November 2016

YB Senator Dato' Dr. Asyraf Wajdi Bin Dato' Dusuki
Timbalan Menteri (Hal Ehwal Agama) di Jabatan Perdana Menteri
Jabatan Perdana Menteri
Blok B8, Kompleks Jabatan Perdana Menteri,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya,
Malaysia.

(melalui Poslaju, faksimili 03-8888 3904 dan email asyraf@asyrafwajdi.com)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

TUDUHAN FITNAH TERHADAP TABUNG HAJI

Saya merujuk kepada kemaskini status Saudara di Twitter pada hari ini yang menuduh saya memfitnah Tabung Haji, seperti berikut:



Dr Asyraf Wajdi
@drasyrafwajdi



Follow

Dulu 3954 pendeposit tutup akaun TH hingga terlepas giliran haji gara2 fitnah Rafizi. Fitnah terbaru Rafizi kali ini rakyat sudah sedar.

Jawapan Tabung Haji yang diberikan oleh Pengarah Urusannya Dato' Johan Abdullah semalam adalah lebih berhemah dan berhati-hati, mengambil kira ketepatan angka-angka yang saya bentangkan kerana kesemuanya diambil dari laporan kewangan kumpulan yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Saya yakin Dato' Johan Abdullah sendiri memahami bahawa saya hanya menjalankan amanah saya sebagai wakil rakyat untuk memantau prestasi, urus tadbir dan menggalakkan penanda aras ("benchmarking") kepada perjalanan Tabung Haji, kerana ia milik rakyat. Jutaan rakyat miskin bergantung harap kepada Tabung Haji dan sebahagian besar mereka tidak pun mempunyai apa-apa simpanan. Simpanan mereka di dalam Tabung Haji adalah semata-mata kerana mereka mahu menunaikan ibadah haji, maka mereka sanggup mengikat perut walaupun sebenarnya mereka tergolong di dalam kalangan orang miskin yang tidak layak pun mempunyai apa-apa simpanan wang.

Adalah sangat malang apabila seorang yang terpelajar dan berlatar belakang pendidikan agama seperti Saudara tidak mampu bersimpati kepada keperluan timbang tara ("check and balance") yang kukuh bagi memastikan Tabung Haji menjadi agensi pelaburan dan amanah yang terulung di dunia. Kecemerlangan pengurusan Tabung Haji akan menjadi dakwah yang baik kepada orang Islam dan bukan Islam. Caca merbanya Tabung Haji mengundang cemuhan dan pandangan sinis terhadap Islam.

Saya lebih berterima kasih dan menghargai sikap ketua Saudara iaitu YB Mejar Jeneral(B) Dato' Seri Jamil Khir Bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang nampaknya lebih profesional dalam menangani pertanyaan-pertanyaan saya di dalam dan luar Parlimen mengenai Tabung Haji. Setakat ini beliau memberi kerjasama sepenuhnya dan memberikan jawapan bertulis yang telus kepada semua soalan yang saya timbulkan mengenai Tabung Haji.

Tuduhan Saudara terhadap saya pada hari ini adalah sangat serius. Saudara menuduh saya dengan sengaja membuat fitnah terhadap Tabung Haji lalu menggambarkan saya berniat jahat dan ingin merosakkan satu institusi Islam. Secara langsung Saudara menuduh saya seorang yang anti-Islam seperti yang turut diulang oleh juak-juak parti Saudara di laman sosial.

Maka, sebagai seorang Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada hal ehwal Islam di negara ini, jika Saudara yakin saya telah membuat fitnah terhadap Tabung Haji (seperti yang Saudara tuduh pada hari ini), maka wajiblah Saudara atas kapasiti sebagai Timbalan Menteri, atau atas kapasiti sebagai seorang pendakwah, atau atas kapasiti seorang pendeposit Tabung Haji, atau sekurang-kurangnya atas kapasiti seorang Islam, memfailkan saman terhadap saya di dalam mahkamah dalam tempoh tujuh (7) hari dari sekarang sebagai langkah melindungi Tabung Haji dari fitnah-fitnah jahat.

PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PANDAN

No. 1-16, Jalan Pandan Prima 2, Dataran Pandan Prima, 55100 Kuala Lumpur

Tel: 019 2625025 | Faks: 03 92013502 | Emel: pusatkhidmatpandan@gmail.com

Jika Saudara tidak bersedia memfailkan saman terhadap saya, maka sekurang-kurangnya Saudara, atas kapasiti sebagai Timbalan Menteri yang bertanggungjawab kepada hal ehwal Islam di negara ini, bolehlah mengarahkan Tabung Haji untuk memfailkan saman sivil terhadap saya atas tuduhan memfitnah (seperti yang didakwa Saudara pada hari ini) dalam tempoh tujuh (7) hari dari sekarang sebagai langkah melindungi Tabung Haji dari fitnah-fitnah jahat.

Setakat ini Tabung Haji tidak pula memfailkan saman sivil terhadap saya, sebaliknya berselindung di belakang polis untuk menahan dan mendakwa saya atas dakwaan di bawah Seksyen 499 Kanun Keseksaan yang mengecualikan Tabung Haji dari membentangkan fakta-fakta bagi membela dirinya di dalam mahkamah (berbanding saman sivil yang mana si penyaman perlu membentangkan fakta menunjukkan kenapa yang disaman dituduh memfitnah).

Jika Saudara dan Tabung Haji tidak bersedia untuk berdepan dengan saya di mahkamah, maka sekurang-kurangnya Saudara ada keberanian untuk berdepan dengan saya dalam satu debat di hadapan rakyat jelata agar mereka boleh menghakimi sendiri sama ada saya betul-betul memfitnah Tabung Haji seperti yang Saudara tuduh.

Oleh yang demikian, saya memberi Saudara masa selama tujuh (7) hari untuk mengesahkan kesediaan Saudara berdebat dengan saya mengenai tuduhan Saudara bahawa saya telah memfitnah Tabung Haji kerana saya mengandaikan Saudara tidak akan berani memfailkan saman terhadap saya di mahkamah.

Saya menunggu jawapan dari Saudara dalam tempoh tujuh (7) hari dari sekarang.

Wassalam.

Saya yang menjalankan amanah



RAFIZI RAMLI

Ahli Parlimen Pandan